

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	29 MARCH 2017

Belum ada keputusan beli pesawat tempur Rafale

BH - 29/3/2017

➔ Pembelian mampu peringkat kerjasama pertahanan, keselamatan

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

Putrajaya

Malaysia belum membuat sebarang keputusan mengenai pembelian pesawat tempur pelbagai peranan (MRCA) buatan Perancis, Rafale, biarpun mengakui keupayaan jentera yang digunakan beberapa negara itu, kata Datuk Seri Najib Razak.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, kerajaan akan melihat kepada kemungkinan itu (pembelian pesawat), terutama bagi meningkatkan kerjasama dua hala antara dua negara, khususnya dalam bidang pertahanan dan keselamatan.

"Seperti yang kita sedia maklum, Malaysia adalah pembeli utama peralatan ketenteraan buatan Perancis dan sebahagian perbincangan hari ini (semalam) berkaitan

kemungkinan bagi perolehan lengkapan ini, sebagai contoh, MRCA Rafale turut dibincangkan.

Subjek utama kerjasama

"Kita melihat kepada kemungkinan, namun belum bersedia buat keputusan, tapi kami ambil maklum kejayaan (Rafale) di beberapa negara dan kemungkinan pesawat ini menjadi subjek dalam kerjasama dengan negara berkenaan," katanya pada sidang media bersama Presiden Perancis, Francois Hollande, di Bangunan Perdana Putra, di sini semalam.

Terdahulu, Najib dan Hollande mengadakan mesyuarat bersama bagi membincangkan hubungan kerjasama antara kedua-dua negara. Hollande tiba di Kompleks Bunga Raya Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) kelmarin bagi memulakan lawatan rasmi dua hari ke Malaysia.



Kita melihat kepada kemungkinan, namun belum bersedia buat keputusan, tapi kami ambil maklum kejayaan (Rafale) di beberapa negara dan kemungkinan pesawat ini menjadi subjek dalam kerjasama dengan negara berkenaan"

Najib Razak,
Perdana Menteri

Sementara itu Hollande berkata, Perancis akan memberi sokongan sewajarnya kepada Malaysia berkaitan jet Rafale, yang dihasilkan oleh Dassault Aviation SA.

"Menteri-menteri kami sudah pun berusaha bagi tujuan itu, apa yang ingin saya nyatakan ialah Rafale adalah jet terbaik dalam kategorinya dan kami cadangkan supaya dibincangkan harga dan spesifikasinya. Kami percaya anda akan membuat keputusan bila tiba masanya nanti," katanya.

Perangi ekstremisme

Dalam pada itu, Najib berkata Malaysia dan Perancis turut bersedia untuk bekerjasama erat dalam soal memerangi ekstremisme serta keganasan global.

"Saya berkongsi dengan Presiden pengalaman dan cabaran yang kita hadapi, kami bersetuju untuk bekerjasama. Saya turut menyerahkan kepadanya satu naskhah modul derekalisasi, yang berjaya di-

jalankan di negara ini dengan kadar kejayaan sebanyak 95 peratus.

"Kita berharap ini menjadi sumbangan kita, selain penubuhan Pusat Serantau Digital Memerangi Mesej Melalui Komunikasi dan gerakan kesederhanaan global serta percaya kesederhanaan adalah prinsip utama untuk kita terapkan dalam menangkis pengaruh militan dan ekstremisme," katanya.

Beliau berkata pertemuan itu turut membincangkan kerjasama dalam sektor pelancongan, pembangunan sumber manusia dan pelajar Malaysia di Perancis, terutama dalam bidang sains serta teknologi.

"Secara keseluruhannya, ia adalah satu perbincangan yang produktif dengan Presiden Hollande dan saya yakin lawatan ini mampu memperkukuhkan hubungan rapat yang sedia terjalin antara kedua-dua negara," katanya.